

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN SURUHANJAYA TENAGA TERHADAP LAPORAN HAKAKAH 18 FEBRUARI 2013 BERTAJUK: ANAK NAJIB DAPAT PROJEK DI PRAI?

Suruhanjaya Tenaga (ST) merujuk kepada laporan yang ditulis oleh Muhd Adzhar Tajuddin dan disiarkan dalam Harakah pada 18 Februari 2013 di bawah tajuk “Anak Najib dapat projek TNB di Prai?”

Terlebih dahulu Suruhanjaya Tenaga ingin menegaskan bahawa proses bidaan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Tenaga telah dijalankan secara adil, telus dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Walaupun keputusan bidaan dimajukan untuk pertimbangan Kerajaan, namun ianya diputuskan berdasarkan penilaian dan syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga. Kesemua keputusan telah dibuat berdasarkan kriteria *levelised tariff* terendah ditawarkan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam dokumen *Request for Proposal*.

Suruhanjaya ingin menjelaskan bahawa dalam proses bidaan yang dijalankan, sembilan syarikat atau gabungan syarikat-syarikat yang disebut dalam laporan itu adalah senarai pembida yang pra-layak. Lima dari sembilan pembida pra-layak tersebut telah menubuhkan konsortium atau gabungan usahasama. Dalam proses pra-kelayakan, pembida-pembida telah menamakan rakan-rakan kongsi mereka seperti yang disyaratkan oleh Suruhanjaya Tenaga, yang kekal sebagai rakan-milik atau *co-owner* tanpa boleh ditukar atau ditambah. Manakala empat pembida pra-layak yang lain telah mendaftar untuk membangunkan projek Prai ini secara bersendirian atau sebagai *sole-developer*. Mereka-mereka ini terdiri daripada Pendekar Power, Mastika Lagenda, TNB dan Sime Darby Power.

Seterusnya, hanya pembida atau petender yang pra-layak merupakan syarikat-syarikat atau gabungan syarikat yang dipelawa untuk mengambil bahagian mengemukakan tawaran bidaan untuk membangunkan projek loji janakuasa di Prai.

Apa yang dibangkitkan dalam laporan Harakah adalah berhubung penganugerahan atau pemilihan mana-mana syarikat sebagai kontraktor *Engineering, Procurement and Construction* (EPC) untuk membekal dan memasang sesebuah loji janakuasa, dan tidak berkaitan dengan pemaju atau pemilik projek yang telah ditawarkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Kontraktor EPC bukanlah pemaju atau pemilik projek dan bagi kes ini, TNB masih lagi membangunkan projek ini secara sendirian dan memiliki 100% ekuiti.

Struktur pelaksanaan projek di mana pemaju atau pemilik projek yang memenangi tender menganugerah kontrak EPC kepada syarikat pembekal, pembuat dan pemasangan loji janakuasa adalah struktur yang lazim digunakan bagi semua projek janakuasa mega di seluruh dunia. Kesemua pembida yang pra-layak akan berkerjasama dengan mana-mana kontraktor EPC yang dipilihnya dalam menawarkan bidaan masing-masing. Ketetapan daripada Suruhanjaya adalah dari segi keupayaan dan pengalaman kontraktor EPC tersebut untuk memastikan projek memenuhi kriteria teknikal yang ditetapkan.

Bagi projek di Prai, TNB telah memenangi tender projek Prai dengan menawarkan harga tarif PPA yang paling rendah berdasarkan penilaian yang sama rata mengikut kriteria yang ditetapkan. Penganugerahan atau pemilihan mana-mana syarikat sebagai kontraktor EPC untuk menjayakan projek tersebut telah dibuat oleh TNB sebelum tarikh tutup tender pada 16 Julai 2012. Untuk ikut serta dalam bidaan, TNB telah memilih Samsung C & T sebagai rakan EPC dan menggunakan kos EPC dari Samsung C&T sebagai asas bidaan. Sebagai syarikat milik Kerajaan, TNB juga tertakluk kepada prosidur-prosidur tertentu yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dalam penganugerahan kontrak EPC tersebut dan Lembaga Pengarah TNB adalah pihak yang bertanggungjawab dalam pemilihan rakan EPC untuk project ini..

Struktur pelaksanaan projek yang diserahkan bersama dokumen tender adalah sama seperti yang dimeterai pada 21 Januari 2013.

Oleh itu, Suruhanjaya ingin mengesahkan bahawa TNB adalah pemaju atau pemilik projek ini dan semua syarat dan kriteria yang ditetapkan telah dipatuhi oleh TNB dengan sepenuhnya. Suruhanjaya Tenaga berpuasahati penanugerahan projek ini adalah mengikut kaedah dan prosidur yang telus dan teratur.

TAMAT

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Asrul Muzaffar b. Mohammed / Noor Haniza bt Noordin

Unit Promosi & Komunikasi, Suruhanjaya Tenaga

Tel: +603 8870 8531/ +603 8870 8661 Fax: +603 8888 8636

Email: asrul@st.gov.my / haniza@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) ditubuhkan mengikut Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 2 Januari 2002. bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga bagi industri perbekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah; di samping memastikan bekalan elektrik dan gas berpaip yang disalurkan kepada pengguna adalah selamat, berdaya harap dan pada harga yang berpatutan. Suruhanjaya terdiri dari seorang Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan Sembilan ahli.